

CNS1920

U GB 23-03 00185 BH972

BAH

Mahathir - Perutusan

UMAT ISLAM DI MALAYSIA PATUT BERSYUKUR KERANA TIADA MASALAH BESAR  
(EMBARGO: Untuk Siaran Pada Malam Hari Raya)

KUALA LUMPUR, 23 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, umat Islam di Malaysia patut bersyukur kerana pada keseluruhannya mereka tidak menghadapi masalah besar yang sering dihadapi orang Islam dan negara Islam yang lain.

Perdana Menteri berkata, berkat ekonomi yang kukuh dan keadaan politik yang stabil, umat Islam di negara ini dikurniakan Allah S.W.T. dengan berbagai-bagai nikmat dan rezeki.

"Kita tinggal dalam keadaan aman, damai dan berharmoni walaupun antara orang Islam dan bukan Islam," kata Perdana Menteri dalam perutusannya sempena Hari Raya Aidil Fitri di sini, hari ini.

Beliau berkata, umat Islam juga harus insaf kerana negara ini tidak ditimpa malapetaka serius seperti ribut taufan, banjir dan gerak gempa serta tidak diperangi atau ditakluki musuh atau dilanda perang saudara.

"Alhamdulillah, tanda-tanda dan bukti sudah ada bahawa usaha dan ikhtiar kita telah berjaya meletakkan negara dan bangsa kita dan dengan itu, agama kita di tahap yang lebih dihormati," kata beliau. -- Lagi.

♥23/03/18-24MST

CNS1925

U GB 23-03 00155 BH973

BAH

Mahathir - Perutusan 2 Kuala Lumpur (Embargo)

Perdana Menteri berkata, negara-negara Islam juga kini mengakui peranan yang dimainkan umat Islam di Malaysia dalam usaha mengembalikan zaman kecemerlangan Islam.

Katanya, walaupun kemajuan Malaysia jelas dan diakui, termasuk oleh negara-negara Islam lain, namun negara ini masih jauh daripada mencapai matlamatnya termasuk mencapai tahap yang diperlukan untuk mempertahankan agama, bangsa dan tanahair.

Untuk mengekalkan keamanan dan kemakmuran negara, beliau berkata, ikhtiar dan usaha yang lebih gigih perlu dilakukan semua pihak termasuk pihak kerajaan dan swasta, pekerja dan orang awam keseluruhannya.

Katanya, ikhtiar dan usaha memerlukan kesabaran, ketekunan dan pengorbanan yang datang dengan ibadat berpuasa.

Beliau bagaimanapun mengingatkan umat Islam bahawa mereka tidak harus berpeluk tubuh kerana segala-galanya adalah takdir Ilahi.

"Takdir tidak bermakna bahawa oleh kerana apa yang akan berlaku tetap akan berlaku, maka kita tidak perlu berusaha untuk mempengaruhi apa yang akan berlaku. -- Lagi.

♥23/03/18-28MST

CNS1928

U GB 23-03 00169 BH974

BAH

Mahathir - Perutusan 3 Kuala Lumpur (Embargo)

"Sebenarnya, apa yang berlaku kerana usaha dan ikhtiar kita, juga tergolong dalam apa yang telah ditakdirkan. Ini kerana jika usaha dibuat sekalipun, kadang-kadang hasrat yang diharapkan tidak tercapai kerana ditaldirkan demikian," kata beliau.

Dr Mahathir berkata, kerajaan memberi perhatian yang seimbang kepada kejayaan di dunia dan akhirat kerana mengabaikan kejayaan di dunia tetap akan menjejaskan kejayaan di akhirat.

Beliau berkata, umat Islam hari ini ditekan dan dihina kerana mereka miskin, baik daripada segi harta benda, ilmu pengetahuan atau kecekapan dalam bidang pembuatan dan teknologi dan sebab itu Islam menganggap kemiskinan sebagai ancaman kepada iman seseorang Islam.

Kata Dr Mahathir, orang Islam yang mempelajari tentang pengorbanan dan disiplin diri seperti yang diperlukan ibadat puasa akan menjadi manusia yang lebih insaf, bersyukur dan bersedia untuk menghadapi apa juga cabaran.

Beliau juga mengingatkan umat Islam supaya mengutamakan etika kekeluargaan ketika meraikan Hari Raya kerana keluarga amat penting dalam memelihara budayadan moral. -- Lagi.

23/03/18-30MST

CNS1930

U GB 23-03 00080 BH975

RAH

Mahathir - Perutusan 4 (Akhir) Kuala Lumpur (Embargo)

Dr Mahathir juga mengingatkan rakyat Malaysia yang balik kampung untuk berhari raya supaya berhati-hati semasa di jalan raya.

Beliau mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua muslimin dan muslimat termasuk kepada mereka yang bertugas dan belajar di seberang laut.

Manakala bagi yang bukan Islam, Dr Mahathir berkata, beliau percaya mereka akan bersama-sama merayakan Hari Raya ini dengan rakan-rakan Islam mereka. -- Bernama.

23/03/18-31MST